

KENYATAAN TENDER

Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), ialah sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Tanggungjawab utama PAAB adalah untuk membangunkan infrastruktur air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan selaras dengan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

Selaras dengan tanggungjawab tersebut, PAAB ingin mempelawa firma-firma perunding tempatan yang mempunyai pengalaman dan kemahiran yang bersesuaian untuk menyertai perkhidmatan perunding berikut:

NOMBOR TENDER	BUTIR-BUTIR TENDER	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH/MASA TAKLIMAT	HARGA DOKUMEN TENDER	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
PAAB/ K003/ EC/01/26	PERKHIDMATAN PERUNDING KEJURUTERAAN UNTUK CADANGAN PEMBINAAN LOJI RAWATAN AIR KODIANG FASA 1 DAN SISTEM AGIHAN DI DAERAH KUBANG PASU, KEDAH DARUL AMAN.	Kementerian Kewangan Kod Bidang 330101 (Kejuruteraan Awam), 330103 (Kejuruteraan Elektrik) dan 330104 (Kejuruteraan Mekanikal) dan Lembaga Jurutera Malaysia (Awam, Elektrikal dan Mekanikal) dan Orang Yang Berkelayakan diiktiraf oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara	Tarikh: 26 Januari 2026 (Isnin) Masa: 10.00 pagi Tempat: Event Hall, Tingkat 33A, MOF Inc. Tower, No.9, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur. <u>Lawatan Tapak</u> Tarikh: 27 Januari 2026 (Selasa) Masa: 10.00 pagi Tempat: Tapak Cadangan Lokasi Muka Sauk LRA Kodiang (6°24'01.8"N 100°18'19.2"E)	RM600.00 Dokumen Meja Tender dipamerkan mulai 26 Januari 2026 (Isnin) TEMPOH PEMBELIAN DOKUMEN TENDER Tarikh: 28 Januari 2026 (Rabu) Sehingga 11 Februari 2026 (Rabu) Masa: 8.30 pagi hingga 5.00 petang	24 Februari 2026 (Selasa) Pada atau sebelum 12.00 tengahari KOTAK TENDER A Tingkat 20, Menara FELDA, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.

SYARAT-SYARAT UTAMA TENDER DI ATAS:

1. Syarikat Sdn Bhd atau Syarikat Diperbadankan di Malaysia;
2. Firma telah beroperasi sekurang-kurangnya 5 tahun;
3. Firma mempunyai sekurang-kurangnya empat (4) orang Jurutera Professional dengan Perakuan Amalan (PEPC) terdiri daripada dua (2) Awam, satu (1) Elektrikal dan satu (1) Mekanikal dengan pengalaman minima selama sepuluh (10) tahun dalam rekabentuk projek loji rawatan air;
4. Firma pernah melaksanakan rekabentuk dan penyeliaan projek loji rawatan air dengan minima kapasiti 50 JLH dalam tempoh 15 tahun terkini; dan
5. Usahasama (JV) hanya dibenarkan di antara dua (2) firma Perunding Tempatan dengan Perunding Utama diwajibkan mempunyai Kod Bidang 330101 (Kejuruteraan Awam) manakala syarat Kod Bidang 330103 (Kejuruteraan Elektrik) dan 330104 (Kejuruteraan Mekanikal) boleh dipenuhi oleh Perunding Utama atau Rakan Kongsi.

1. Kehadiran untuk Taklimat Tender dan Lawatan Tapak adalah DIGALAKKAN. Lawatan tapak akan dijalankan seperti dinyatakan diatas dan maklumat terperinci akan diberikan pada sesi taklimat tender.
2. Bayaran Dokumen Tender boleh dibuat secara "Electronic Fund Transfer"(EFT) di atas nama Pengurusan Aset Air Berhad. Hanya Petender yang layak akan menerima e-mel untuk membuat pembayaran secara atas talian. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai tidak akan diterima.
3. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil pemohon yang mengemukakan surat kuasa bersama dengan lesen / sijil pendaftaran ASAL atau SALINAN YANG DISAHKAN. Sesalinan siji-sijil ini perlu dikemukakan untuk simpanan PAAB (tidak dikembalikan).
4. Dokumen Tender boleh didapati bermula pada tarikh yang dinyatakan di atas pada waktu pejabat di alamat berikut:

URUS SETIA TENDER

PENGURUSAN ASET AIR BERHAD Reg. No. 200601012793 (732544-D)

Tingkat 20, Menara FELDA, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.

Tel : 03 2614 5499 | Fax : 03 26145448 | Pegawai : Nur Safawati Md Salleh

5. Dokumen Tender yang telah dilengkapi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan jelas di penjuru atas sebelah kiri "Nombor Tender" dan "Tajuk Tender" tanpa apa-apa pengenalan diluarnya. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Kotak Tender yang telah ditetapkan mengikut jadual di atas tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari di alamat seperti di atas.
6. Pihak PAAB tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran tender yang paling rendah atau sebarang tawaran atau mengemukakan sebab-sebab tawaran tersebut ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini.